

AXCEL FUSIDIC ACID-B CREAM (NEW FORMULA)

Fusidic Acid / Betamethasone (as Valerate) (2.0% w/w/ 0.1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Fusidic Acid-B Cream (New Formula)
2. Bagaimana Axcel Fusidic Acid-B Cream (New Formula) berfungsi
3. Sebelum menggunakan Axcel Fusidic Acid-B Cream (New Formula)
4. Cara menggunakan Axcel Fusidic Acid-B Cream (New Formula)
5. Semasa menggunakan Axcel Fusidic Acid-B Cream (New Formula)
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Fusidic Acid-B Cream (New Formula)
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Axcel Fusidic Acid-B Cream (New Formula)

Axcel Fusidic Acid-B Cream (New Formula) digunakan digunakan untuk merawat keadaan di mana kulit meradang (ekzema atau dermatitis) dan juga dijangkiti oleh kuman (bakteria).

Bagaimana Axcel Fusidic Acid-B Cream (New Formula) berfungsi

Axcel Fusidic Acid-B Cream (New Formula) mengandungi dua jenis ubat. Satu ubat dipanggil Fusidic acid. Ia adalah sejenis antibiotik. Ubat lain dipanggil betamethasone valerate. Ia adalah sejenis kortikosteroid (steroid).

Axcel Fusidic Acid-B Cream (New Formula) berfungsi sebagai antibiotik dengan membunuh kuman yang menyebabkan jangkitan manakala kortikosteroid membantu mengurangkan sebarang kebengkakan, kemerahan atau kegatalan kulit anda.

Doktor anda mungkin memberikan ubat ini kepada anda atas sebab-sebab yang lain. Sila tanya doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti mengapa anda perlu mengambil Axcel Fusidic Acid-B Cream (New Formula).

Sebelum menggunakan Axcel Fusidic Acid-B Cream (New Formula)

-Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda mempunyai alahan (hipersensitif) terhadap Fusidic acid atau betamethasone valerate.
- Jika anda mempunyai alahan (hipersensitif) terhadap bahan-bahan lain dalam ubat ini.
- Jika anda mempunyai dermatitis perioral. Ini adalah ruam jerawat merah di sekeliling mulut atau dagu.
- Jika anda mempunyai keadaan kulit yang disebabkan oleh virus seperti kudis sejuk atau cacar air.
- Jika anda mempunyai keadaan kulit yang disebabkan oleh kulat.
- Jika anda mempunyai keadaan kulit yang dikenali sebagai jerawat rosacea. Ini adalah kemerahan dan keradangan pada hidung dan pipi anda. Tanya doktor anda jika anda tidak pasti.
- Jika anda mengalami jangkitan kulit tuberkulosis.
- Jika anda mengalami keadaan ulser.

Mengandung dan menyusukan anak

Sila tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum menggunakan Axcel Fusidic Acid-B Cream (New Formula):

- Jika anda hamil, atau berfikir anda hamil. Anda tidak harus menggunakan ubat anda untuk jangka masa yang lama atau dalam jumlah yang besar. Anda perlu bertanya doktor anda untuk mendapatkan nasihat.
- Jika anda sedang menyusukan bayi.

-Sebelum menggunakan Axcel Fusidic Acid-B Cream (New Formula)

Maklumkan kepada doktor anda jika:

- Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan kepada mana mana ubat lain, makanan, bahan pengawet atau pewarna.
- Beritahu doktor anda jika anda merancang untuk hamil atau menyusukan bayi.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil, atau baru mengambil sebarang ubat-ubatan lain. Ini termasuk sebarang ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Axcel Fusidic Acid-B Cream (New Formula)

- Ubat ini adalah hanya untuk kegunaan kulit anda. Jangan menelannya. Jangan letakkan ia di dalam badan anda.
- Tanggalkan penutupnya. Semak meterai supaya belum dipecahkan sebelum anda mula menggunakan krim. Kemudian tolak kon tajam dalam penutup melalui meterai pada tiub.
- Sentiasa basuh tangan anda sebelum menggunakan Axcel Fusidic Acid-B Cream (New Formula). Sapukan ubat secara perlahan-lahan pada kulit. Jika anda menggunakannya pada muka, anda perlu berhati-hati untuk mengelakkan mata anda.
- Melainkan anda menggunakan krim untuk merawat tangan anda, sentiasa basuh tangan anda selepas menggunakan Axcel Fusidic Acid-B Cream (New Formula).

Jika anda secara tidak sengaja mendapat ubat dalam mata anda, basuh ia dengan air sejuk dengan segera. Kemudian, cuci mata anda dengan pencuci mata jika boleh. Mata anda berkemungkinan akan berasa sengat.

Jika anda mula mempunyai masalah dengan penglihatan anda atau mata anda sakit, hubungi doktor anda dengan segera.

-Berapa banyak harus digunakan

Doktor anda akan memberitahu anda berapa banyak Axcel Fusidic Acid-B Cream (New Formula) untuk digunakan.

-Bila perlu digunakan

Biasanya, anda perlu menggunakan ubat ini 2-3 kali setiap hari. Untuk mengingatkan anda untuk menggunakan ubat, ia boleh dibantu dengan menggunakannya apabila

AXCEL FUSIDIC ACID-B CREAM (NEW FORMULA)

Fusidic Acid / Betamethasone (as Valerate) (2.0% w/w/ 0.1% w/w)

anda melakukan satu lagi tindakan tetap, seperti memberus gigi anda.

Jika anda telah diberitahu untuk menutup kulit dengan apa-apa pembalut anda mungkin tidak perlu menggunakan ubat ini dengan kerap. Ikut nasihat doktor anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang disarankan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk menggunakan ubat ini, gunakannya sebaik sahaja anda ingat. Kemudian teruskan penggunaan ubat ini pada masa yang biasa.

Jika anda mempunyai soalan lanjut mengenai penggunaan ubat ini, sila tanya doktor atau ahli farmasi.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda fikir anda atau orang lain mungkin mengambil ubat ini secara berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Axcel Fusidic Acid-B Cream (New Formula)

-Perkara yang perlu dilakukan

- Sentiasa gunakan Axcel Fusidic Acid-B Cream (New Formula) tepat seperti yang dinasihatkan oleh doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Fusidic Acid-B Cream (New Formula).
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Fusidic Acid-B Cream (New Formula) dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Beri perhatian jika anda akan menggunakan ubat ini berhampiran mata anda atau mata kanak-kanak. Jika krim terkena mata, ini boleh menyebabkan glaukoma.
- Jika anda menggunakan krim lebih lama atau dalam jumlah yang besar, ia berkemungkinan lebih tinggi mengakibatkan kesan sampingan. Selain itu, kulit anda akan menjadi lebih sensitif terhadap ubat ini.
- Anda tidak boleh menggunakan ubat untuk jangka masa yang lama pada muka anda.
- Melainkan jika doktor anda telah memberitahu anda, anda tidak harus menggunakan Axcel Fusidic Acid-B Cream (New Formula) pada luka terbuka atau kawasan-kawasan sensitif seperti hidung, telinga, bibir atau pada kemaluan.
- Melainkan jika doktor anda telah memberitahu anda, anda tidak boleh menggunakan Axcel Fusidic Acid-B Cream (New Formula) pada kulit nipis, ulser kulit, urat pecah atau jerawat.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Axcel Fusidic Acid-B Cream (New Formula) boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Anda perlu mendapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mempunyai sebarang gejala berikut. Anda mungkin mempunyai reaksi alahan:

- Anda mengalami kesukaran bernafas.
- Muka atau tekak anda bengkak.
- Kulit anda mempunyai ruam yang teruk.

Lain-lain kesan sampingan yang berkemungkinan:

- Dilatasi saluran darah berhampiran kulit.
- Penipisan kulit.
- Kesan regangan kulit
- Glaukoma atau peningkatan tekanan dalam mata. Kesan-kesan ini termasuk sakit mata, mata merah, kekurangan visi atau visi yang mendung.
- Katarak. Kesan termasuk visi mendung.
- Kelenjar adrenal boleh berhenti berfungsi dengan betul. Tanda-tandanya adalah keletihan, kemurungan dan keresahan.
- Pengeluaran hormon kortikal adrenal yang berlebihan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Fusidic Acid-B Cream (New Formula)

-Penyimpanan

- Jauhkan daripada kanak-kanak.
- Jangan gunakan Axcel Fusidic Acid-B Cream (New Formula) selepas tarikh tamat tempoh pada kotak itu.
- Jangan simpan tiub lebih dari 3 bulan selepas anda mula membukanya. Buat nota dari tarikh anda mula membuka tiub..
- Simpan pada suhu kurang daripada 30 °C. Pastikan bekas

AXCEL FUSIDIC ACID-B CREAM (NEW FORMULA)

Fusidic Acid / Betamethasone (as Valerate) (2.0% w/w/ 0.1% w/w)

ditutup rapi. Lindung dari cahaya matahari.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Axcel Fusidic Acid-B Cream (New Formula) merupakan krim berwarna putih dan larut air.

Axcel Fusidic Acid-B Cream (New Formula) hadir dalam tiub 5g dan 15g.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif:

- Fusidic Acid (2.0% w/w)
- Betamethasone 17-Valerate (0.1% w/w)

- Bahan Tidak Aktif:

Chlorocresol, Liquid paraffin, Emulgin B2, Cetostearyl alcohol, White Soft Paraffin, Butylatedhydroxyanisole, Sodium Dihydrogen Phosphate Anhydrous, Purified Water.

-Nombor MAL

MAL

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

11/12/2023

Nombor Siri

NPRA (R2) 22/185